



KAMARUZDZAMAN (kanan) menyerahkan surat tawaran Mara kepada Arsiah (kiri), wakil UMS pada majlis itu.

UMS-Mara jalin kerjasama kepakaran tingkat pencapaian usahawan bumiputera

NST 25.02.2012 //

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Majlis Amanah Rakyat (Mara) menjalin kerjasama kepakaran bagi mempertingkatkan tahap pencapaian usahawan bumiputera di negeri ini.

Pengarah Mara Negeri Sabah Haji Kamaruzdzaman Md.Ali berkata objektif kerjasama ini adalah untuk mengenalpasti dan menilai prestasi semasa perniagaan terpilih di bawah program pembangunan usahawan Mara.

Selain itu katanya ia juga bertujuan untuk menilai kekuatan serta kekurangan perniagaan terpilih bagi mempertingkatkan daya saing.

"Matlamat utama kerjasama kepakaran UMS-Mara adalah bagi mempertingkatkan tahap prestasi pencapaian usahawan MARA di Sabah bagi membolehkannya berdaya maju dan kekal bersaing menerusi perubahan strategi dan model perniagaan yang berkesan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Program Kerjasama Khidmat Kepakaran dan Perundingan UMS-Mara: Program Peningkatan Prestasi Usahawan Mara Sabah, di Bilik Mesyuarat Utama Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) universiti itu, di sini, kelmarin.

Turut hadir Dekan SPE Prof.Madya Dr.Hajah Arsiah Bahrom.

Kamaruzdzaman berkata, Mara melalui Bahagian Pembangunan Usahawan mempunyai pelbagai modul latihan dan skim yang memudahkan proses pengwujudan dan melahirkan lebih ramai usahawan.

"Melalui kerjasama kepakaran dengan UMS yang telah banyak menjalankan kajian terhadap usaha, prestasi usahawan di Sabah dapat dipertingkatkan agar terus bersaing dan kekal dalam pasaran."

"Di samping itu, cadangan pendekatan yang bakal dilaksanakan dapat mengurangkan masalah usahawan yang muflis atau pinjaman tidak berbayar di kalangan usahawan bumiputera di Sabah," katanya.

Beliau berharap kerjasama ini dapat menyokong perkembangan ekonomi Sabah seterusnya lebih bersedia dengan persaingan sengit dan perubahan globalisasi di masa hadapan.-OLEH MARRYAN DATAN